

## SIDANG REDAKSI

### Ketua Pengarang

Mohd Faiz Mohd Esa

### Pengarang

Suraiyah Harun

Muhammad Faiz Sabli

Azman Mohamed

### Grafik & Jurufoto

Aminudin Piramli

### Edaran

Siti Zubaidah  
Abd. Rahman

Jannatul Asyikin  
Janudin

Ainsyah Nasihah  
Abu Bakar

Noraini Hussin

Khadijah Rashid



### **TERATAK TOK WAN BERTUKAR MERAH!**

Buat julung kalinya Jabatan Kerja Sosial Perubatan kali ini telah menganjurkan Hari Keluarga 2015 yang bertempat di Teratak Tok Wan, Rawang, Selangor. Memilih tarikh 7/11/2015, acara setengah hari ini telah memilih warna merah sebagai warna rasmi program. Kesemua kakitangan dan ahli keluarga yang hadir berpakaian mengikut tema hinggakan kolam mandi di Teratak Tok Wan yang berkonsepkan inap desa itu kelihatan seolah bertukar kepada warna merah. Pelbagai acara dan permainan telah diadakan dan ternyata semua amat gembira dengan aktiviti yang diadakan. Hidangan juadah istimewa BBQ kambing dan 'chicken wings' ternyata luar biasa dan memenuhi selera yang hadir. Perasmian oleh Puan Suraiyah Harun selaku Ketua Jabatan JKSP telah berakhir secara rasminya sekitar jam 3.00 petang dengan acara bertukar-tukar hadiah. Diharapkan penganjuran program sebegini diteruskan di masa akan datang kerana selain dari keseronokan dan menghilangkan stress, pastinya ukhuwah yang dibina akan kekal abadi di sanubari semua.

# Keterlibatan Program Sumbangan



*Majlis Sumbangan  
Pertubuhan Masyarakat Penyayang  
Malaysia - PPUKM*

**SUKMARIA PPUKM**

**6 November 2015**



*Majlis Sumbangan  
Bank OCBC - PPUKM*

**Wad Pediatrik**

**3 Disember 2015**





# Keterlibatan Program Sumbangan



*Majlis Sumbangan  
Orchid Fun Run & Ride  
PETRONITA - PPUKM*

**Esplanade KLCC**

**10 Oktober 2015**

*Majlis Sumbangan Aidilfitri  
MAIWP - PPUKM*



**PPUKM**

**13 Julai 2015**



# Keterlibatan Aktiviti JKSP

## *Taklimat CHETS*

**Makmal Komputer  
Pusat Teknologi Maklumat PPUKM**

**30 November 2015**



## *Iftar Ramadhan*

**MAEPS Bistro, Serdang**

**26 Jun 2015**





# Keterlibatan Aktiviti JKSP

## *Pertandingan Bowling Anjuran Kelab Sukarelawan Hospital Kajang*

**Ampang Superbowl, Kajang**

**28 Februari 2015**



## *Hari Parkinson PPUKM*

**Lobi Utama PPUKM**

**11 Mei 2015**



# Keterlibatan Aktiviti JKSP

## Mesyuarat 5S JKSP

Bilik Mesyuarat JKSP

30 Oktober 2015



## Hari Bersama Pelanggan PPUKM

Lobi Utama PPUKM

27 Oktober 2015





# Keterlibatan Aktiviti JKSP

*Sambutan Hari Raya JKSP*

JKSP : 12 Ogos 2015





# Keterlibatan Kursus/Seminar

## *Seminar Kepekaan Undang-Undang Dalam Menangani Isu-Isu Kekeluargaan*

**Dewan ASCC, PPUKM**

**22 - 23 Oktober 2015**





## Program Khidmat Masyarakat



*Gotong Royong Perdana*

Pusat Jagaan Alfikrah, Kajang : 28 Mac 2015

## Program Khidmat Masyarakat





# Lawatan Kerja

*Lawatan Kerja  
Rumah Titian Ashraful Rohaniah*

**Telok Intan, Perak**

**20 April 2015**



# TAHNIAH

## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Suhaizah Zainordin  
Khatijah Rashid

## KENAIKAN PANGKAT

Intan Nurhaila Meor Safari ( S48 )  
Azman Mohamed ( S44 )  
Siti Zaila Husin ( S44 )  
Mohd Khairul Amilin Ramlan ( S44 )  
Nor Azura Ab Wahab ( S44 )  
Muhammad Syamsul Mat Zin ( S44 )  
Aminuddin Piramli ( S44 )

## WALIMATUL URUS

Nor Hajar Abu Bakar & Ahmad Rokhilla Hassan  
( 24 April 2015 )

Ainsyah Nasihah Abu Bakar & Mohd Alif Hafize Abu Bakar  
( 9 Mei 2015 )

## KELAHIRAN CAHAYA MATA

Nur Iman Iffah Aliya binti Mohd Yusry  
Nur Rania binti Mohd Faiz  
Muhammad Khairul Hafizi bin Mohd Hafiz



# Artikel JKSP

## FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KUALITI HIDUP WARGA TUA DI RUMAH SERI KENANGAN

Oleh : Azman bin Mohamed

Semua negara akan mengalami penuaan populasi. Negara-negara maju seperti United Kingdom dan Jepun kini sedang mengalami penuaan populasi. Negara-negara membangun termasuk Malaysia juga tidak terkecuali sedang menuju ke arah itu. Apabila berlaku peningkatan populasi warga tua atau penuaan populasi, banyak cabaran yang perlu ditangani seperti peningkatan prevalen penyakit, malnutrisi dan lain-lain akibat perubahan fisiologi dan daya tahan terhadap penyakit. Oleh itu kualiti hidup warga tua perlu dijaga pada supaya populasi ini dapat hidup dengan sihat dan kos penjagaan serta perubatan dapat dikurangkan.

Satu kajian keratan rentas telah dilakukan di 8 buah Rumah Seri Kenangan di seluruh Semenanjung Malaysia untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti hidup warga tua di institusi penjagaan. Sembilan pusat jagaan warga tua tersebut telah dibahagikan kepada 4 zon mengikut kedudukan geografi iaitu Zon Utara (RSK Kangar, RSK Taiping, RSK Ulu Kinta dan RSK Bedong), Zon Tengah (RSK Cheras dan RSK Seremban), Zon Selatan (RSK Cheng dan RSK Johor Bahru) dan Zon Timur (RSK Taman Kemumin). Bagaimanapun RSK Seremban dan RSK Bedong telah terkeluar dari senarai kerana RSK Seremban ditutup untuk pengubahsuaian manakala masalah pengurusan dan logistik pula berlaku semasa memohon kebenaran dari RSK Bedong. Seramai 251 responden telah bersetuju untuk menyertai kajian ini. Pengumpulan data melalui temubual berpandu telah dilakukan bermula pada Mei 2014 hingga Julai 2014.

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti hidup warga tua di Rumah Seri Kenangan. Objektif khusus kajian ini pula adalah seperti di bawah :

- a) Untuk mengenalpasti kualiti hidup warga tua yang tinggal di rumah jagaan warga tua di Malaysia
- b) Untuk mengenalpasti tahap aktiviti harian (ADL) warga tua yang tinggal di institusi jagaan warga tua di Malaysia
- c) Untuk mengenalpasti hubungkait antara kualiti hidup warga tua yang tinggal di rumah jagaan warga tua di Malaysia dengan:

- 1) Faktor sosiodemografi warga tua iaitu:
  - i) Umur
  - ii) Jantina
  - iii) Bangsa
  - iv) Tahap pendidikan
  - v) Taraf perkahwinan
  - vi) Tempoh tinggal di Rumah Seri Kenangan
- 2) Tahap aktiviti harian (ADL) warga tua
- 3) Faktor penyakit
- 4) Tahap sokongan sosial
  - i) Sokongan sosial keluarga
  - ii) Sokongan sosial rakan

- d) Untuk mengenalpasti faktor-faktor risiko yang signifikan mempengaruhi kualiti hidup warga tua

Hasil kajian yang diperolehi dianalisa secara deskriptif, analisa bivariat menggunakan ujian korelasi Spearman, ujian-t, ujian ANOVA sehala dan analisa multivariat menggunakan analisa regresi berganda.



Melalui ujian korelasi Spearman, terdapat perkaitan signifikan yang negatif antara kualiti hidup dan umur ( $r = -0.131$ ;  $p < 0.038$ ) dan tempoh tinggal di institusi ( $r = -0.157$ ;  $p < 0.013$ ). Ia menunjukkan semakin berumur responden dan semakin lama tinggal di pusat jagaan, semakin rendah kualiti hidup mereka. Bagaimanapun faktor umur mungkin merupakan faktor pembaur kepada faktor tempoh tinggal di institusi kerana semakin lama responden tinggal di institusi, umur mereka semakin meningkat. Oleh itu ujian multivariat perlu dilakukan untuk mengawal faktor pembaur. Ujian korelasi Spearman juga menunjukkan terdapat perkaitan positif antara kualiti hidup dengan aktiviti harian ( $r = 0.490$ ;  $p < 0.0001$ ), sokongan sosial keluarga ( $r = 0.152$ ;  $p < 0.016$ ) dan sokongan sosial rakan ( $r = 0.344$ ;  $p < 0.0001$ ). Ujian ini menunjukkan semakin berdikari responden melakukan aktiviti harian, mendapat sokongan sosial keluarga dan sokongan rakan yang tinggi, semakin tinggi kualiti hidup mereka.

Anasila lanjutan menggunakan ujian regresi berganda terhadap pembolehubah yang mempunyai nilai yang signifikan telah dijalankan. Ujian multivariat regresi berganda mendapati tahap pendidikan rendah mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kualiti hidup ( $\beta = -4.66$ ; 95% CI: -8.44, -0.87; pada  $p = 0.016$ ). Nilai  $\beta$  menunjukkan responden berpendidikan rendah 4.6 kali berisiko mempunyai kualiti hidup yang rendah. Kemampuan berdikari menjalankan aktiviti harian pula mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kualiti hidup ( $\beta = 0.26$ ; 95% CI: 0.191, 0.333) pada aras keertian  $p < 0.0001$ . Ujian ini menggambarkan kemampuan pesakit berdikari menjalankan aktiviti harian dapat meningkatkan 0.26 kali kualiti hidup. Manakala mendapat sokongan sosial rakan juga mempunyai perkaitan signifikan dengan kualiti hidup ( $\beta = 1.03$ ; 95% CI: 0.66, 1.40) pada  $p < 0.0001$ . Hasil ujian menggambarkan responden yang mendapat sokongan sosial rakan, 1.03 kali cenderung mempunyai kualiti hidup yang tinggi. Kesimpulan hasil analisa multivariat adalah pendidikan rendah, kemampuan berdikari menjalani aktiviti harian dan mendapat sokongan sosial rakan cenderung mempunyai kesan dalam menentukan kualiti hidup warga tua di Rumah Seri Kenangan.

Penemuan ini dapat membantu pentadbir institusi jagaan warga tua untuk mengenalpasti penghuni yang berisiko seterusnya dapat mengambil inisiatif untuk meningkatkan kualiti hidup warga tua di bawah jagaan mereka. Penemuan ini juga dapat memberi sedikit gambaran kepada pentadbir institusi jagaan warga tua untuk merangka polisi, program-program atau aktiviti-aktiviti tertentu yang boleh meningkatkan dan mengekalkan kualiti penghuni berdasarkan faktor-faktor yang memberi kesan kepada kualiti hidup warga tua.

#### Rujukan

*Ambigga, K., Ramli, A., Suthahar, A., Tauhid, N., Clearihan, L. & Browning, C. 2011. Bridging the gap in ageing: Translating policies into practice in Malaysian Primary Care. Asia Pacific Family Medicine 10(1): 2.*

*Mafauzy, M. 2000. The problems and challenges of the aging population of Malaysia. Malaysian Journal of Medical Sciences 7(1):1-3.*